

Beri mandat kepada BN capai 2020

Utusan Online

23 Mei, 2012

JOHOR BAHRU 22 Mei - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta rakyat terus memberi mandat kepada Barisan Nasional (BN) supaya pembangunan sedia ada dapat diteruskan bagi mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Beliau juga mahu rakyat menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk menilai kemajuan pembangunan yang dibawa kerajaan dan tidak mudah terpedaya dengan janji manis pakatan pembangkang.

Menurutnya, menjelang pilihan raya umum, banyak cerita akan direka oleh Pas, PKR dan DAP seperti Buku Jingga dan mahu memansuhkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Kita sudah mengkaji apa yang dijanjikan mereka boleh menyebabkan negara muflis dalam masa dua tahun, ini semua cakap tak serupa bikin.

"Tak patutlah kalau sudah tahu budi yang BN buat, tetapi tidak pilih BN. Jangan meninggalkan pembangunan yang dibawa dengan memilih pihak yang hanya mahu berpolitik," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Rakyat Parlimen Pulau di Taman Perling di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Besar, Abdul Ghani Othman; Ahli Parlimen Pulau, Datuk Nur Jazlan Mohamed; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Mohd. Ali Hassan; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kempas, Datuk Osman Sapian dan ADUN Pengkalan Rinting, Chia Song Cheng.

Kira-kira 3,000 penduduk menghadiri majlis tersebut yang turut menyaksikan perasmian Pusat Rawatan Rakyat Percuma Ahli Parlimen P.161 Pulau oleh Muhyiddin sebelum beliau bersama Abdul Ghani dan Nur Jazlan sama-sama membakar sate untuk dihidangkan kepada orang ramai.

Difahamkan lebih 3,000 orang telah menjalani rawatan alternatif terapi biocas elektrik di pusat itu dengan purata kehadiran seramai 300 hingga 400 orang sehari.

Rawatan percuma tersebut dimulakan sejak tiga tahun lalu di Kompleks Tan Sri Mohamed Rahmat sebelum ke Taman Dahlia dan dipindahkan ke Taman Perling.

Muhyiddin menyifatkan pendekatan yang digunakan Nur Jazlan sebagai banyak memberi faedah dan merupakan inisiatif tambahan untuk membantu rakyat dari segi kebajikan, sosial dan kesihatan seperti anjakan yang dibawa oleh Perdana Menteri sejak tiga tahun lalu bagi seluruh lapisan masyarakat.

Terdahulu, Nur Jazlan dalam ucapannya memberitahu, pusat rawatan tersebut turut berfungsi sebagai pusat aduan agar pihaknya dapat mengumpulkan maklumat secara terus daripada kesemua 93,000 pengundi di kawasan Parlimen Pulau.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm